

# DBKL pantau projek Damansara 21



KUALA LUMPUR 12 Okt. - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memantau secara berterusan projek Damansara 21 di Bukit Damansara di sini bagi memastikan projek itu dibangunkan mengikut piawaian keselamatan yang ditetapkan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab. Hakim Borhan berkata, pihaknya akan turut memastikan pemaju projek itu, SDB Damansara Sdn. Bhd. mengikuti Arahan Pembangunan (DO) yang telah digariskan kepada mereka.

Beliau berkata, semua tindakan itu bertujuan memastikan kejadian tanah runtuh di tapak projek itu seperti yang berlaku sebelum ini tidak akan berulang lagi pada masa akan datang.

"Pada mesyuarat Majlis Pembangunan Bandar (TPC) yang lalu, kami bersetuju untuk menarik balik arahan berhenti kerja yang dikeluarkan pada April lalu.

"Selain itu, pihak kami juga akan turut mengadakan pemantauan bersama-sama penduduk sekitar kawasan berkenaan bagi memastikan projek pembangunan itu berjalan lancar dan selamat," katanya di sini.

Ab. Hakim berkata, sekiranya pihak SDB Damansara gagal mematuhi mana-mana syarat dan melanggar spesifikasi keselamatan yang telah ditetapkan, pihaknya akan mengambil tindakan hukistik untuk menarik balik kebenaran yang diberikan.

"Kita akan mengambil tindakan tegas sekiranya mereka mengabaikan aspek keselamatan dan melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan," tegasnya.

Mengenai siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang sedang dilakukan terha-

dap syarikat berkenaan, beliau menekankan, kebenaran meneruskan projek boleh dikeluarkan walaupun pihak syarikat sedang disiasat berkaitan kes pegyeleungan.

DIGITAL

Beliau memberitahu, ini kerana kebenaran itu dikeluarkan setelah pihak pemaju terbabit menepati segala spesifikasi keselamatan dan cara kerja yang ditetapkan dalam DO.

"BPR boleh terus menjalankan siasatan mereka terhadap syarikat berkenaan dan kami hanya akan menghentikan projek berkenaan sekiranya mendapat arahan daripada mahkamah," ujarnya.

Baru-baru ini, SDB Damansara dalam kenyataan medianya memberitahu, DBKL membentarkan pihaknya meneruskan pembinaan projek terbabit dan meratakan cerun untuk mengurangkan bebanan tanah di kawasan itu.

Pengarah Urusannya, Teh Lip Kim berkata, kelulusan itu secara tidak langsung membenarkan mereka meneruskan kerja-kerja membaik pulih untuk meningkatkan tahap keselamatan tanah di bahagian cerun.

Projek perumahan eksklusif itu pernah mencetuskan kontroversi apabila penduduk Medan Damansara yang terletak di bawah bukit projek itu membantah projek tersebut atas alasan keselamatan penduduk.

Pada 27 Ogos lalu, cerun pada tapak projek itu runtuh menyebabkan dua buah rumah tertimbus tanah dan memaksa penghuninya menetap di hotel sementara menunggu rumah mereka dibersihkan dan dibaiki.